

## **REKA BENTUK ‘SULAM’ DI UKM: PERKONGSIAN PENGALAMAN DUA PROJEK RINTIS**

*(Designing ‘SULAM’ at UKM: Experiences from Two Pilot Projects)*

ROZITA IBRAHIM\*, NORFAZILAH AHMAD & PUTEH NORAIHAN A RAHMAN

### ABSTRAK

*Istilah ‘SULAM’ merujuk kepada ‘Service Learning Malaysia – University for Society’ dan merupakan inisiatif di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). SULAM diterapkan di dalam kursus ber kredit dan dilaksanakan melalui pembelajaran berasaskan pengalaman melibatkan pelajar, pensyarah dan komuniti yang dipilih dengan keperluan tertentu. Kertas ini membincangkan dua projek SULAM di UKM dari segi reka bentuk dan pelaksanaannya. Projek pertama dinamakan Penjagaan Kesihatan Komprehensif (CHC) dan melibatkan pensyarah dan pelajar Fakulti Perubatan dan Pusat Pengajian Citra Universiti. Projek ini dijalankan bersama komuniti di Bandar Tun Razak, Cheras. Projek kedua pula dinamakan Asli-Pimpin dan melibatkan pelajar serta pensyarah Pusat Pengajian Citra Universiti, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Fakulti Pengajian Islam, Fakulti Pendidikan dan Fakulti Undang-undang. Projek ini dijalankan bersama komuniti Orang Asli di Kampung Sungai Buah, Dengkil, Selangor. Pada akhir kertas turut dibincangkan cabaran yang dihadapi dan langkah yang diambil dalam menjalankan SULAM semasa waktu pandemik dan endemik Covid-19.*

*Kata kunci: SULAM; Pembelajaran berasaskan khidmat; Pedagogi; HIEPS; Pendidikan tinggi*

### ABSTRACT

*The term ‘SULAM’ stands for ‘Service Learning Malaysia – University for Society’, which is an initiative under the Malaysia Education Blueprint 2015-2025 (Higher Education). In practice, SULAM refers to a course-based, credit bearing educational experience involving students’ participation in activities that fulfil an identified community need. This paper discusses two SULAM projects in UKM in terms of the design and implementation. The first project is named Comprehensive Healthcare (CHC) which involves lecturers and students from the Faculty of Medicine and Centre for Liberal Education (Pusat Pengajian Citra Universiti); with their SULAM activities focuses on the community in Bandar Tun Razak, Cheras, Kuala Lumpur. The second project named Asli-Pimpin involves students and lecturers from the Centre for Liberal Education (Pusat Pengajian Citra), Faculty of Economy and Administrations, Faculty of Islamic Studies, Faculty of Education and Faculty of Law. The SULAM activities for Asli-Pimpin focuses on the needs of the Orang Asli community in Kampung Sungai Buah, Dengkil, Selangor. The paper ends with a discussion on the challenges and measures taken in SULAM teaching and learning activities during the Covid-19 pandemic and endemic phases.*

*Keywords: SULAM; Service learning; Pedagogy; HIEPS; Higher learning institutions*

## PENGENALAN

Pembelajaran berasaskan khidmat atau ‘service learning’ merupakan satu bentuk pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang mengoptimumkan pengalaman dalam berkhidmat kepada masyarakat (Maznah et al. 2018). Pembelajaran berasaskan khidmat adalah berkaitan kurikulum akademik dan memenuhi objektif kursus yang berkenaan. Ia adalah amalan pengajaran berimpak tinggi yang berupaya menerapkan nilai positif untuk pembangunan masyarakat serta membina kemahiran pelajar bagi mengisi keperluan kerjaya di masa hadapan. Straus & Eckenrode (2015) menyatakan bahawa pembelajaran berasaskan khidmat berbeza dengan aktiviti perantis, kesukarelawanan dan penyelidikan komuniti kerana pembelajaran berasaskan khidmat adalah berteraskan keperluan komuniti yang dipilih. Para pelajar dengan bimbingan pensyarah perlu cuba mencari penyelesaian terhadap cabaran dan keperluan komuniti dengan menggunakan pengetahuan akademik yang dipelajari di dalam kelas. Ringkasnya, pembelajaran berasaskan khidmat menjadi wadah bagi pelajar menyumbangkan tenaga, pengetahuan dan kepakaran dalam mendepani realiti sebenar demi membantu masyarakat.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) mengenengahkan pembelajaran berasaskan khidmat di bawah inisiatif ‘SULAM’ atau ‘Service Learning Malaysia – University for Society’. SULAM ditakrifkan sebagai kaedah pengajaran dan pembelajaran kursus dengan khidmat komuniti di mana nilai kredit dan jam pelaksanaan khidmat komuniti itu dikira dalam jumlah jam pelajar belajar bagi kursus yang berkaitan di Institut Pengajian Tinggi (IPT) (Jabatan Pendidikan Tinggi, KPT 2019). SULAM diterapkan di dalam kursus berkredit dan dilaksanakan melalui pembelajaran berasaskan pengalaman melibatkan pelajar, pensyarah dan komuniti yang dipilih dengan keperluan tertentu. Pendekatan dalam pelaksanaan SULAM ada empat jenis iaitu pertama, SULAM secara langsung di mana projek secara bersemuka dijalankan; kedua, SULAM secara tidak langsung di mana projek melibatkan isu yang meluas seperti projek alam sekitar; ketiga, SULAM secara advokasi di mana projek melibatkan kesedaran atau mendidik masyarakat mengenai sesuatu topik; dan keempat, SULAM berasaskan penyelidikan di mana data dikumpulkan dan dipersembahkan untuk tujuan dan minat tertentu berkaitan komuniti sasaran.

Di UKM, SULAM berada di bawah penyelarasan Jawatankuasa Kerja SULAM@UKM yang dipengerusikan oleh Dekan Pusat Pengajian Citra Universiti. Sokongan dana juga disediakan oleh pihak UKM bagi menjayakan SULAM@UKM di peringkat awal ini. SULAM@UKM menggariskan tiga objektif berikut: (1) menghasilkan pelajar yang bersifat holistik dan mampu menyelesaikan masalah secara kritis dan kreatif; (2) penglibatan pelajar secara langsung bersama komuniti setempat; dan (3) mewujudkan jaringan kerjasama antara masyarakat, universiti, industri dan NGO melalui program SULAM ([ukm.my/citra/objektif-sulamukm](http://ukm.my/citra/objektif-sulamukm)). SULAM@UKM mengenalpasti empat projek rintis yang melibatkan pelbagai fakulti iaitu: (1) Projek Asli-Pimpin (Pembangunan Komuniti Orang Asli) bertempat di Kampung Sungai Buah, Dengkil, Selangor; (2) Projek Jagaan Kesihatan Komprehensif (CHC) bertempat di Bandar Tun Razak, Cheras, Kuala Lumpur; (3) Projek Warga Emas dan Ubat bertempat di Kampung Baru dan Chow Kit, Titiwangsa, Kuala Lumpur, dan (4) Projek Rehat dan Rawat (R&R) Geothermal bertempat di Batu 14 Hulu Langat, Selangor. Kertas ini akan membincangkan dua daripada empat projek SULAM@UKM iaitu projek Asli-Pimpin dan projek CHC dari segi reka bentuk dan pelaksanaannya. Selain itu, beberapa cabaran dan langkah mengatasi turut dikongsikan.

## SULAM ASLI-PIMPIN

Projek SULAM Asli-Pimpin melibatkan lima fakulti dan pusat iaitu Pusat Pengajian Citra Universiti (PPCU), Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP), Fakulti Pengajian Islam (FPI), Fakulti Pendidikan (FPend), dan Fakulti Undang-Undang (FUU). Projek ini direka bentuk berasaskan empat tonggak utama gabungan dari Hasil Pembelajaran Kursus (HPK) bagi semua kursus yang terlibat. Empat tonggak tersebut adalah (1) Pemantapan Jatidiri, Undang-undang dan Hak Orang Asli, (2) Kepimpinan Keluarga dan Komuniti, (3) Pengurusan Ekonomi Keluarga, dan (4) Pendidikan dan Masyarakat. Senarai kursus-kursus yang terlibat bagi empat semester diringkaskan dalam Jadual 1.

JADUAL 1. Kursus dan PTj bagi SULAM Asli-Pimpin

PTj	KURSUS DAN SEMESTER			
	SEM 2 (SESI 2020/2021)	SEM 1 (SESI 2021/2022)	SEM 2 (SESI 2021/2022)	SEM 1 (SESI 2022/2023)
PPCU	LMCR2412	LMCR2412	LMCR2412	LMCR2412
	Kepimpinan dan Kemahiran Interpersonal	Kepimpinan dan Kemahiran Interpersonal	Kepimpinan dan Kemahiran Interpersonal	Kepimpinan dan Kemahiran Interpersonal
				LMCP1012 Pengantar Sains Citra
FUU		UUUK4713 Undang-Undang Antarabangsa dan Orang Asal		UUUK4713 Undang-Undang Antarabangsa dan Orang Asal
FPI	PPPM3013 Metodologi Dakwah kepada Muslim		PPPM3013 Metodologi Dakwah kepada Muslim	
FEP	LMEP1612	LMEP1612	LMEP1612	LMEP1612
	Pengurusan Ekonomi Keluarga	Pengurusan Ekonomi Keluarga	Pengurusan Ekonomi Keluarga	Pengurusan Ekonomi Keluarga
	EPPE2523 Analisis Sosial dan Politik dalam Pembangunan		EPPE2523 Analisis Sosial dan Politik dalam Pembangunan	
FPEND		GGGD1123 Pendidikan dan Masyarakat		GGGD1123 Pendidikan dan Masyarakat

Projek SULAM Asli-Pimpin dirancang bagi tempoh dua tahun dan melibatkan pelajar-pelajar dari pelbagai fakulti seperti dinyatakan di atas. Pelajar-pelajar menjalani sebahagian daripada pengajaran dan pembelajaran (PnP) secara pembelajaran pengalaman bersama komuniti yang dipilih. Komuniti yang dimaksudkan adalah komuniti Orang Asli di Kampung Sungai Buah,

Dengkil, Selangor. Orang Asli di kampung ini majoritinya adalah dari suku Temuan. Suku Temuan merupakan suku keempat terbesar dalam kalangan Orang Asli di Malaysia dan mereka tinggal di negeri Pahang, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Adat resam suku Temuan mirip dengan etnik Melayu dan bahasa pertuturan mereka juga adalah Bahasa Melayu. Hal ini memudahkan komunikasi antara pelajar dan komuniti sasaran di lokasi SULAM Asli-Pimpin di Kampung Sungai Buah, Dengkil. Komuniti Orang Asli di kampung ini dijadikan sasaran pilihan memandangkan lokasinya yang hampir dengan UKM Kampus Bangi serta juga latar belakang sejarahnya yang berkait rapat dengan UKM. Komuniti Orang Asli Temuan yang kini menduduki Kampung Sungai Buah asalnya menempati kawasan UKM yang kini adalah Fakulti Undang-Undang. Mereka dipindahkan ke lokasi sekarang bagi memberi laluan kepada pembangunan UKM pada tahun 1970 (Nor Adli Firdaus & Al-Amril Othman 2020). Pada masa kini, Orang Asli yang mendiami kawasan Sungai Buah tinggal di rumah-rumah yang pelbagai jenisnya dan tersusun di lima lorong. Kawasan perkampungan mereka dilengkapi dengan jalan bertar, dewan orang ramai, dan juga surau bagi penganut agama Islam. Orang Asli Temuan ini masih bergantung kepada hutan dan sungai sebagai sumber mata pencarian selain bekerja sebagai buruh di kawasan berdekatan. Kajian Haliza et al. (2012) menyatakan bahawa komuniti Temuan di Kampung Sungai Buah mempunyai banyak aset budaya yang boleh dimanfaatkan bagi tujuan pelancongan. Namun demikian aktiviti pelancongan kurang mendapat tempat dalam kalangan komuniti ini.

Projek SULAM Asli-Pimpin telah memberikan peluang kepada pelajar-pelajar terlibat untuk melawat dan melihat sendiri perkampungan Orang Asli Sungai Buah serta beramah mesra bersama Batin dan penduduk kampung. SULAM secara langsung atau bersemuka ini dijalankan untuk kursus LMCR2412 Kepimpinan dan Kemahiran Interpersonal melalui aktiviti ramah mesra dan pengagihan sumbangan dari NGO untuk penduduk kampung (Rajah 1). Batin juga telah memberikan penerangan mengenai adat dan budaya komuniti Temuan kepada pelajar-pelajar serta sudi ditemubual untuk berkongsi pengalaman sebagai seorang pemimpin komuniti. SULAM secara langsung turut dijalankan dalam kursus PPPM3013 Metodologi Dakwah kepada Muslim melalui siri aktiviti dalam program dinamakan Kembara Qiyadah Muslim yang merupakan latihan amali bagi dakwah Muslim. Program ini memfokuskan kepada aktiviti perkongsian ilmu bersama komuniti Muslim serta juga aktiviti kebudayaan dan sukan bersama keseluruhan komuniti Orang Asli Temuan Sungai Buah. Program secara bersemuka yang dinyatakan di atas hanya dapat dijalankan semasa Fasa Endemik Covid-19 di mana kelonggaran bagi aktiviti bersemuka telah diberikan dengan syarat mematuhi *Standard Operation Procedure (SOP)* ditetapkan. Namun demikian, ada juga aktiviti PnP yang diubahsuai kerana tidak mendapat kebenaran masuk ke kawasan perkampungan Orang Asli atas arahan pihak berwajib bagi menjaga kesejahteraan penduduk yang khuatir dengan penyebaran Covid-19. Contohnya, aktiviti bagi kursus GGGD1123 Pendidikan dan Masyarakat dijalankan di kawasan Pondok Unais yang letaknya berhampiran kampung Orang Asli Sungai Buah. Pelajar berpeluang meninjau suasana kawasan dan membuat pembacaan mengenai komuniti Orang Asli dari sumber sekunder.



RAJAH 1. Gambar-gambar menunjukkan aktiviti SULAM bersama komuniti di Balai Raya dan Surau.

Semasa pandemik Covid-19 berada pada kemuncaknya dan aktiviti PnP berlangsung sepenuhnya secara dalam talian, perancangan SULAM Asli-Pimpin telah terkesan dan pengubahsuaian dilakukan. SULAM dijalankan menggunakan pendekatan advokasi untuk mendidik pelajar dan orang awam mengenai topik berkenaan Orang Asli dan kepimpinan komuniti. Misalnya, pelajar-pelajar UUUK4713 Undang-undang Antarabangsa dan Orang Asal diberikan tugas penyediaan video berkenaan Hak Pendidikan Orang Asli untuk sebaran umum di YouTube. Kursus LMCR2413 pula menjalankan aktiviti temubual bersama pemimpin komuniti yang dipilih oleh pelajar bagi menimba pengalaman kepimpinan mereka. Hasil temubual dipersembahkan dalam bentuk laporan bertulis dan video yang dikongsikan kepada rakan-rakan sekelas. Akhirnya, SULAM menggunakan pendekatan advokasi juga dijalankan dalam kursus EPPE Analisis Sosial dan Politik dalam Pembangunan. Pelajar-pelajar kursus ini telah menganjurkan webinar bertajuk Persepsi dan Penerimaan Vaksin Covid-19 dalam Komuniti Orang Asli. Panel jemputan terdiri daripada Pegawai Pembangunan Masyarakat, Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA) serta juga Pakar Parasitologi dan Pakar Perunding Penyakit Berjangkit. Webinar ini terbuka kepada umum dan turut melibatkan penyertaan dari Orang Asli sendiri.

Akhirnya, ingin juga dikongsikan satu aktiviti SULAM yang menggunakan pendekatan tidak langsung berkaitan alam sekitar. Aktiviti ini dijalankan selepas fasa endemik Covid-19 di mana pelajar-pelajar telah sepenuhnya pulang ke kampus dan PnP berjalan samada secara bersemuka atau hibrid. Aktiviti yang dimaksudkan dijalankan di bawah kursus LMCP1012 Pengantar Sains Citra di mana pelajar-pelajar telah terlibat dalam program penanaman pokok di hutan yang telah diceroboh di Tasik Chini, Pahang (Rajah 2). Aktiviti ini dipilih sebagai SULAM tidak langsung kerana isu pencerobohan hutan yang menyebabkan kekurangan sumber mata



pencarian serta kemerosotan alam sekitar adalah masalah sepunya komuniti Orang Asli di Malaysia (Rozita Ibrahim et al. 2019). Selain itu, pelajar-pelajar turut dibawa melawat perkampungan Orang Asli Jakun di Tasik Chini bagi mendapatkan gambaran kehidupan komuniti ini serta beramah mesra bersama ketua-ketua kampung yang terlibat.



RAJAH 2. Gambar-gambar menunjukkan aktiviti SULAM melibatkan penanaman pokok di hutan yang diceroboh.

### SULAM PENJAGAAN KESIHATAN KOMPREHENSIF (CHC)

Projek SULAM Penjagaan Kesihatan Komprehensif atau *Comprehensive Health Care* (CHC) melibatkan dua Pusat Tanggungjawab (PTj) iaitu Fakulti Perubatan (Ketua) dan Pusat Pengajian CITRA. Projek ini diketuai oleh Prof. Madya Dr. Norfazilah Ahmad dan disokong oleh ahli akademik pelbagai kepakaran dan bidang dari kedua-dua PTj terlibat. Selain itu, projek ini turut melibatkan kakitangan pengurusan dan profesional dalam kalangan Pegawai Pembangunan Masyarakat Kanan dan Pegawai Penyelidik Kanan dari Fakulti Perubatan. Projek ini dibahagikan kepada empat fasa yang bermula daripada Semester 2 (Sesi 2020/2021) sehingga Semester 1 (Sesi 2022/2023). Kursus berkredit Fakulti Perubatan yang menyertai SULAM CHC adalah dari program pascasiswazah Doktor Kesihatan Masyarakat; di mana para pelajar merupakan Doktor Perubatan daripada pelbagai agensi kerajaan, terutamanya Kementerian Kesihatan Malaysia. Kursus berkredit daripada Pusat Pengajian CITRA pula melibatkan kursus elektif bagi pelajar program prasiswazah daripada pelbagai fakulti (Jadual 2).

JADUAL 2. Keterlibatan kursus program pascasiswazah dan siswazah dalam SULAM CHC

PTj	KURSUS			
	FASA 1	FASA 2	FASA 3	FASA 4
Fakulti Perubatan	FK6552 Wanita & Kesihatan	FK6173 Epidemiologi Klinikal & Biostatistik	FK6552 Wanita & Kesihatan	FK6342 Sistem Pengurusan Maklumat Kesihatan
		FK6491/2 Pembelajaran Terarah dalam Pengurusan Kesihatan		FK6491/2 Pembelajaran Terarah dalam Pengurusan Kesihatan
Pusat Citra	LMCR1572 Manfaat dan Risiko Produk Hasil Semulajadi	LMCR1572 Manfaat dan Risiko Produk Hasil Semulajadi	LMCR1572 Manfaat dan Risiko Produk Hasil Semulajadi	LMCR1572 Manfaat dan Risiko Produk Hasil Semulajadi
		EPPD1013 Mikroekonomi I		EPPD1013 Mikroekonomi I

Aktiviti SULAM bagi kursus program pascasiswazah dijalankan untuk memenuhi Hasil Pembelajaran Program (HPP) yang digariskan. Antaranya ialah untuk melatih pelajar agar berkebolehan (1) berinteraksi, berkolaborasi dan bekerja secara berpasukan dalam bidang kesihatan awam, dan (2) berkomunikasi di dalam menyampaikan maklumat serta idea secara berkesan melalui lisan atau bertulis dengan menggunakan bahasa yang sesuai di dalam bidang kesihatan awam (Hazila Abdul Kadir et al. 2021). Aktiviti SULAM dari kursus prasiswazah juga dapat memenuhi HPP daripada pelbagai fakulti seperti (1) mengaplikasikan ilmu pengetahuan bagi menangani isu dan masalah yang berkaitan dengan bidang sains, teknologi, kemanusiaan dan sains sosial, dan (2) menunjukkan kemahiran dan tanggungjawab sosial untuk kesejahteraan masyarakat. Komuniti yang terpilih untuk projek ini adalah komuniti di kawasan Perumahan Awam Seri Kota, Bandar Tun Razak, Cheras, Kuala Lumpur. Lokasi ini dipilih kerana keberadaannya yang hampir dengan Fakulti Perubatan di Kampus UKM Cheras. Siri perjumpaan dengan ketua dan wakil komuniti telah dijalankan bagi membincangkan aktiviti yang sesuai dilakukan mengikut keperluan komuniti serta memenuhi Hasil Pembelajaran Kursus (HPK) dan HPP yang terlibat (Rajah 3).



RAJAH 3. Siri perjumpaan dan perbincangan dengan ketua dan wakil komuniti

Gerak kerja projek ini terdiri daripada dua versi iaitu (1) berdasarkan proposal yang dibina pra-pandemik COVID-19, dan (2) penyelarasan sehubungan dengan pandemik COVID-19 (Jadual 3).

JADUAL 3. Gerak kerja SULAM CHC

ITEM	FASA			
	FASA 1	FASA 2	FASA 3	FASA 4
<b>KURSUS</b>	1. FK6552 2. LMCR1572	1. FK6173 2. FK6491/2 3. LMCR1572 4. EPPD1013	1. FK6552 2. LMCR1572	1. FK6342 2. FK6491/2 3. LMCR1572 4. EPPD1013
<b>AKTIVITI</b>	<b>GERAK KERJA (PRA-PANDEMIK COVID-19)</b>			
	1. Mendekati dan mengenali komuniti.  2. Kerja lapangan dan pengumpulan data asas: a) sosio-demografi b) sosio-ekonomi c) sejarah kesihatan d) galakan gaya hidup sihat e) penggunaan produk kesihatan herba/semulajadi f) persepsi terhadap ubatan semulajadi.	1. Pembentukan Modul Promosi Kesihatan. Fokus kepada pencegahan primer dan berdasarkan dapatan data asas daripada kerja lapangan.  2. Intervensi Modul Penggunaan Selamat dan Berkualiti Produk Kesihatan Semulajadi.	1. Intervensi komuniti menggunakan modul yang dibentuk.  2. Intervensi Modul penggunaan selamat dan berkualiti Produk Kesihatan Semulajadi - Semak kandungan produk - Kesedaran.	1. Pengumpulan data pasca-intervensi, analisis data dan laporan.



---

**GERAK KERJA (PENYELARASAN DENGAN PANDEMIK COVID-19)**

---

1. Pembentukan proposal kajian untuk kerja lapangan (pengumpulan data asas).	1. Kerja lapangan; Pengumpulan data asas.	1. Intervensi komuniti menggunakan Modul Status Kesihatan, Kualiti dan Keperluan Hidup (Hazila et al. 2021).	1. Pengumpulan data susulan intervensi komuniti menggunakan Modul Status Kesihatan. Kualiti dan Keperluan Hidup/ Intervensi Modul Penggunaan Selamat dan Berkualiti Produk Kesihatan Semulajadi.
2. Permohonan kelulusan etika proposal kajian untuk pengumpulan data asas.	2. Penulisan laporan data asas.	2. Susulan daripada Intervensi Modul Penggunaan Selamat dan Berkualiti Produk Kesihatan Semulajadi.	2. Intervensi kesihatan yang menasarkankan golongan muda dewasa.
3. Mengenalpasti keperluan komuniti bagi produk kesihatan herba/semulajadi.	3. Intervensi Modul Penggunaan Selamat dan Berkualiti Produk Kesihatan Semulajadi.		

---

Projek SULAM CHC ini telah dapat melatih pelajar dari pelbagai bidang dengan ilmu dan kemahiran untuk berkhidmat kepada masyarakat dan negara. Selain itu, pelajar juga dilatih untuk mengintegrasikan ilmu dan membina kefahaman untuk menyelesaikan masalah berkaitan bidang yang dikaji dalam konteks yang baharu serta kompleks. Akhirnya, SULAM CHC juga dapat memperkasakan masyarakat dengan ilmu dan kemahiran berkaitan kesihatan demi kesejahteraan hidup mereka. Seperti SULAM Asli-Pimpin, SULAM CHC juga menghadapi cabaran dalam melaksanakan aktiviti semasa waktu pandemik dan endemik Covid-19 di mana majoriti pelajar berada di kampung halaman masing-masing dan bukannya di kampus Cheras. Akibatnya proses pengajaran dan pembelajaran terpaksa dijalankan secara dalam talian dan kerja lapangan bersama komuniti tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual asal yang ditetapkan. Selepas tempoh kawalan pergerakan dilonggarkan dan pelajar mendapat kebenaran pulang ke kampung, penyelarasan telah dijalankan bagi memastikan objektif SULAM CHC dapat dicapai.

**KESIMPULAN**

Perbincangan di atas menjelaskan dua contoh projek SULAM@UKM iaitu SULAM Asli-Pimpin yang diketuai oleh Pusat Pengajian Citra Universiti, dan SULAM CHC yang diterajui oleh Fakulti Perubatan. Kedua-dua projek memenuhi elemen penting dalam maksud pembelajaran berasaskan khidmat iaitu mengintegrasikan khidmat komuniti dengan kurikulum akademik dan khidmat yang diberikan memenuhi keperluan komuniti (Maznah Ibrahim et al. 2018, Straus & Eckenrode 2014). Elemen pertama iaitu integrasi khidmat komuniti dan kurikulum akademik berkait langsung dengan Hasil Pembelajaran Kursus (HPK) yang ditetapkan bagi kursus terlibat. Bagi SULAM CHC, Hasil Pembelajaran Program (HPP) juga terkait rapat kerana SULAM CHC direka bentuk dengan program pascasiswazah Doktor Kesihatan Masyarakat sebagai tunjang utamanya. Kursus-kursus lain yang terlibat dalam SULAM CHC adalah sebagai pelengkap kepada kursus-kursus dalam program pascasiswazah Doktor Kesihatan Masyarakat. Berbeza dengan SULAM Asli-Pimpin, reka bentuknya tidak terikat kepada satu program pengajian yang khusus. Sebaliknya, SULAM Asli-Pimpin disatukan oleh empat tonggak utama yang dibina dengan mengambil kira

HPK semua kursus terlibat yang datang dari pelbagai fakulti dan pusat pengajian. Tonggak yang empat ini terjalin oleh keperluan komuniti Orang Asli dari aspek kepimpinan di peringkat diri sendiri, keluarga, komuniti dan negara. Selain daripada itu, elemen kurikulum juga diterapkan dengan adanya komponen pentaksiran berkaitan aktiviti SULAM misalnya penulisan refleksi, pembentangan laporan amali, serta pembentangan video hasil kerja lapangan. Peratusan markah dan aktiviti penilaian adalah berbeza-beza mengikut kesesuaian kursus masing-masing. Ringkasnya, pembelajaran berasaskan khidmat ini menjadi platform bagi mengaplikasikan ilmu teori di dalam bilik darjah kepada realiti amali sebenar di lapangan. Maka tepatlah pendekatan pengajaran dan pembelajaran sebegini dikategorikan sebagai praktis pendidikan berimpak tinggi (HIEPS).

Elemen kedua yang ingin diketengahkan adalah kepentingan kesepadanan antara khidmat yang diberikan dengan keperluan komuniti. Hal ini memerlukan perbincangan awal antara pensyarah dan pelajar dengan pemimpin atau wakil komuniti. Elemen ini penting memandangkan SULAM mempunyai hasrat jangka panjang memenuhi keperluan komuniti melalui kerjasama dengan universiti. Selain itu, sokongan dari sektor kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) juga penting dalam merealisasikan keperluan komuniti. Sokongan ini boleh berlaku dalam pelbagai bentuk samada kewangan, kepakaran atau kemudahan fizikal. Misalnya, aktiviti SULAM Asli Pimpin di Tasik Chini melibatkan kerjasama dengan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang dari segi kemudahan fizikal serta kepakaran penanaman pokok hutan. Selain itu, NGO MyFund Action juga terlibat dalam pengagihan sumbangan makanan dan keperluan harian kepada komuniti Orang Asli di Sungai Buah. Namun demikian sokongan pihak kerajaan, swasta dan NGO serta universiti tidak akan berhasil jika tiada kerjasama kuat dari pihak komuniti melalui akses yang diberikan oleh pemimpin komuniti berkenaan. Hal seperti isu lama atau persepsi negatif berkenaan UKM misalnya boleh mendatangkan cabaran dari segi akses, misalnya yang berlaku dalam kes di Sungai Buah. Oleh yang demikian, dalam merancang lokasi SULAM, selain faktor jarak lokasi komuniti dan kampus universiti, harus juga diambil kira faktor persepsi dan hubungan baik serta juga akses yang diberikan oleh pemimpin komuniti.

Akhir sekali, selain memenuhi keperluan SULAM berdasarkan maksud dan tujuan ianya dijalankan, beberapa perkara berkaitan pelaksanaan perlu juga dipertimbangkan bagi memastikan kelancaran aktiviti yang dirancang. Berikut dicadangkan dua perkara pokok dalam menambahbaik aktiviti SULAM pada masa akan datang. Pertama, latihan untuk pensyarah dan pelajar yang akan terlibat ke lapangan terutamanya yang melibatkan komuniti dari pelbagai latar belakang sosio-ekonomi. Ini kerana kerja lapangan bersama komuniti memerlukan 'skill set' yang tersendiri melibatkan kemahiran membina hubungan baik atau 'rapport', kemahiran komunikasi dan berunding yang sesuai dengan sasaran, serta minat dan keseronokan bertemu orang ramai yang berlainan latar belakang dan gaya hidup. Selain itu, kemahiran merancang, dan keupayaan beradaptasi terhadap ketidakpastian dan perubahan sebagaimana yang berlaku semasa pandemik dan endemik Covid-19 juga penting terutamanya bagi para pensyarah yang terlibat. Selain itu, kemahiran membuat refleksi dan menaakul amat penting bagi memahami konteks realiti lapangan dan mengaitkannya dengan teori dalam bidang berkaitan. Kedua, kejayaan aktiviti SULAM juga bergantung kepada jaringan bersama rakan strategik dari pelbagai sektor iaitu universiti, komuniti, badan kerajaan, badan swasta dan NGO. Jaringan ini boleh membina kerjasama menang-menang yang memenuhi keperluan semua pihak selain meluaskan pandangan dan perspektif masing-masing hasil perkongsian pengetahuan dan pengalaman bersama. Akhirnya, yang ketiga, kejayaan SULAM juga bergantung kepada kecukupan sumber kewangan. Aktiviti di luar bilik kuliah sememangnya memerlukan sokongan kewangan dari segi logistik, kenderaan, jamuan makan

minum, bayaran honorarium dan sebagainya. Kewujudan sumber dana dari pihak universiti atau geran dari pihak kerajaan mahupun swasta dan NGO amatlah membantu pertumbuhan program SULAM pada masa akan datang. Sebagai kesimpulannya, pembelajaran berasaskan khidmat atau dijenamakan sebagai SULAM dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) memang tidak dapat dinafikan kebaikannya terhadap pengalaman pembelajaran di institusi pengajian tinggi. Inisiatif ini wajar diteruskan dan diluaskan lagi pelaksanaannya dengan usaha penambahbaikan yang menyeluruh dari sudut persediaan pensyarah dan pelajar, pemantapan jaringan kerjasama universiti-komuniti-industri-kerajaan, dan kesediaan dana dan geran yang bertepatan.

## PENGHARGAAN

SULAM Asli-Pimpin dibiayai oleh dana UKM dengan kod BG-H-11LM001-00-1002003 dan SULAM CHC menggunakan dana kod CH-H-FFF1001-00-1002003).

## RUJUKAN

- Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. 2019. *SULAM – Service Learning Malaysia: University for Society*. [www.jpt.moe.gov.my](http://www.jpt.moe.gov.my). Diakses pada 1 Disember 2022.
- Haliza Mohd Said, Zainal Abidin Ramli & Sukma Dina Radin. 2012. Enhancing Temuan Tribe Economic Activities as an Indigenous Attraction in Kampung Dengkil, Mukim Sepang, Selangor. *Interdisciplinary Journal of Contemporary Research in Business* 4(1): 421-433.
- Hazila Abdul Kadir, Sharifa Ezat Wan Puteh & Halim Ismail. 2021. Tesis Doktor Falsafah (Kesihatan Masyarakat). Pengaruh Faktor Status Kesihatan dan Keperluan Hidup terhadap Kualiti Hidup Wanita B40 luar Bandar dan Miskin di Malaysia.
- Maznah Ibrahim, Norain Azlan, Nor Afian Yusof, Jamsari Alias & Najah Nadiah Amran. 2018. Service-Learning: Mengungkap Definisi untuk Pembelajaran Abad ke-21. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara* 19: 43-55.
- Nor Adli Firdaus & Al-Amril Othman. 2020. Menyingkap Selingkar Kisah Korban Pembangunan: Dari Batu 20 ke Bukit Unggul. *Jurnal Wacana Sarjana* 4(5): 1-13.
- Rozita Ibrahim, Nasrudin Subhi, Mohd. Suhaimi Mohamad & Mushrifah Idris. 2019. Corak kehidupan Orang Asli Jakun Tasik Chini, Pahang: Implikasi terhadap Integrasi Arus Perdana. Dlm. Radin Firdaus Radin Badaruddin, Paramjit Singh Jamir Singh, Law Chee Hong & Abdul Rais Abdul Latiff. *Isu Kontemporari Kesepaduan Sosial di Malaysia*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Straus, E. E., & Eckenrode, D. M. 2014. Engaging Past and Present: Service-Learning in the College History Classroom. *The History Teacher* 47(2): 253–266.

ROZITA IBRAHIM\*

Pusat Pengajian Citra Universiti, UKM

NORFAZILAH AHMAD

Fakulti Perubatan, UKM

PUTEH NORAIHAN A RAHMAN  
Pusat Pengajian Citra Universiti, UKM

\*Penulis untuk surat menyurat: [eta@ukm.edu.my](mailto:eta@ukm.edu.my)

Received: 20 November 2022 / Accepted: 26 November 2022 / Published: 9 December 2022